



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred / kelas, kategori / tajuk / kepala, pengkhususan / tajuk kecil / subkepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Tender	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tarikh Dokumen Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KERJA-KERJA PENGGANTIAN TANGKI SIMPANAN AIR DAN TANGKI PENCEGAH KEBAKARAN JENIS PRESSED STEEL SECTIONAL DI BLOK A, B, C DAN D SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) LEMBAH SUBANG 1 (TAMAN PUTRA DAMAI) PETALING JAYA, SELANGOR (NO. TENDER: KPKT/BPJ/UB/T/1/2026)	Terbuka T1	CIDB Gred : G5 Kategori: CE dan ME Pengkhususan: CE21 dan M22 Serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC)	Hanya Petender yang berdaftar sewaktu Lawatan Tapak dan Taklimat Tender serta membuat bayaran bagi pembelian dokumen tender LAYAK diberi pautan untuk memuat turun dokumen bermula daripada 27 - 28 April 2026 (Isnin-Selasa)	RM100.00 SAHAJA Kaedah Pembayaran tanpa tunai (iPayment) iaitu melalui kaedah DuitNow/ Kad dan E-Dompot SAHAJA. Tempoh Bayaran : 20 – 26 April 2026	Unit Kontrak dan Ukur Bahan, Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 7, No.51, Presint 4, 62100 Putrajaya 19 Mei 2026 (Selasa) 12.00 Tengah Hari
<p>Lawatan Tapak dan Taklimat Tender Adalah <u>DIWAJIBKAN.</u> Berkumpul di Dewan Blok D, PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya pada 20 April 2026 (Isnin) jam 10.00 pagi. Pendaftaran akan bermula dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi. Sebarang persoalan boleh menghubungi Seksyen Fasiliti dan Penyelenggaraan Projek (SFPP), Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan (BPJ), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di talian 03-8891 3654 / 3679 / 3684. Hanya PENAMA di dalam Sijil SSM/CIDB/SPKK/PPK sahaja yang dibenarkan menyertai lawatan tapak. Sila bawa bersama sijil (SSM/CIDB/SPKK/PPK) semasa lawatan tersebut.</p>						

*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

PROJEK : KERJA-KERJA PENGGANTIAN TANGKI SIMPANAN AIR DAN TANGKI PENCEGAH KEBAKARAN JENIS PRESSED STEEL SECTIONAL DI BLOK A, B, C DAN D SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) LEMBAH SUBANG 1 (TAMAN PUTRA DAMAI) PETALING JAYA, SELANGOR

NO. TENDER : KPKT/BPJ/UB/T/1/2026

Nota Penting :


1. Petender adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Tender SECARA TANGAN SAHAJA DAN POS BERDAFTAR SAHAJA. Dokumen Tender hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup Tender.
2. Penyerahan Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (*hardcopy*).
3. Setiap Petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya didapati terdapat Petender yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Tender.
4. Petender yang berhasrat untuk menyertai Tender ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran Petender akan ditolak.
5. Petender juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen tender sepanjang tempoh perolehan/sehingga tarikh tutup tender di laman sesawang KPKT.
6. Bayaran hendaklah dibuat tanpa tunai (*cashless*) sahaja bagi pembelian dokumen tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos TIDAK AKAN DITERIMA. Petender boleh membuat bayaran setelah menerima butiran pembayaran melalui emel. Tarikh akhir pembayaran bagi pembelian dokumen tender adalah pada 26 April 2026 (AHAD).
7. Sebarang permohonan bagi kebenaran khas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) TIDAK DIBENARKAN, selaras dengan garis panduan dan dasar semasa yang berkuat kuasa.

Dokumen Tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Tender serta tajuk Tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Tender.

Jika Dokumen Tender tidak diserahkan secara serahan tangan, Petender hendaklah menghantar Dokumen Tender tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:-

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 7, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
(u/p : Sr Wan Mohd Nazeer Bin Wan Ramli)


Sr. WAN MOHD. NAZEER BIN WAN RAMLI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan